

PENILAIAN “KELAS KHAS MORAL (KKM)” BAGI PELATIH-PELATIH GURU BUKAN BERAGAMA ISLAM

ASSESSMENT OF "MORAL SPECIAL CLASS (KKM)" FOR TRAINERS DO NOT TRANSPORT ISLAM

Dr. Azizah binti Hussin ¹

En. Muhammad Zawawi bin Muhammad Ali ²

Dr. Aznida binti Aziz ³

¹ Dr. Azizah binti Hussin, Berasal dari Kelantan. Ijazah pertama dari UIA, Diploma Pendidikan juga dari UIA, Memperolehi Ijazah Sarjana dari UMS dan Ijazah Doktor Falsahah dari UMK. Berkhidmat sebagai guru di Sabah 9 tahun kemudian meneruskan perkhidmatan sebagai pensyarah di IPG selama 12 tahun sehingga sekarang. Banyak menulis dalam artikel dan jurnal tentang isu-isu umat Islam berkaitan islamofobia serta mengurus pelajar bukan Islam di IPGKSM.

² Muhammad Zawawi Muhammad Ali; Berasal dari Besut, Terengganu. Ijazah pertama SMPI (Syariah) dan Diploma Pentadbiran dan Kehakiman Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia UKM, Ijazah Sarjana dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan sedang menyambung pengajian di peringkat PhD di UnisZa, Terengganu. Berpengalaman sebagai guru selama 15 tahun di Sarawak dan Johor. Kini bertugas sebagai pensyarah di IPG Kampus Sultan Mizan tahun ke 11. Bidang penulisan berkisar kepada isu-isu Ekonomi Islam dan isu-isu Pendidikan Tahfiz di Malaysia.

³ Dr. Aznida binti Aziz. Berasal dari Terengganu, Ijazah pertama dalam bidang bahasa Arab dari UKM, Diploma Bahasa Arab dengan Pendidikan dari Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Arab dari UKM dan Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Bahasa Arab dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Berkhidmat sebagai guru di Pulau Pinang, Kelantan dan Selangor selama 12 tahun, kemudian meneruskan perkhidmatan sebagai pensyarah di IPG selama 7 tahun hingga sekarang. Terlibat dalam penulisan artikel dan jurnal tentang isu-isu pendidikan bahasa Arab.

Accepted date: 27 November 2017

Published date: 26 December 2017

To cite this document:

Hussin, A., Muhammad Ali, M. Z., & Aziz, A. (2017). Penilaian “Kelas Khas Moral (KKM)” Bagi Pelatih-Pelatih Guru Bukan Beragama Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 142 - 151.

Abstrak: Kajian ini berfokus kepada Kelas Khas Moral (KKM) yang telah dilaksanakan di IPG Kampus Sultan Mizan Besut Terengganu. Kelas ini diwajibkan kepada semua guru pelatih bukan beragama Islam dengan tujuan untuk mementapkan nilai-nilai murni kepada bakal-bakal guru agar lahir generasi guru yang berkahlak mulia dari sudut integriti, rajin bekerja dan seumpamanya. KKM ini dijalankan serentak pada waktu yang sama dengan Kelas Quran

guru pelatih Islam. Responden seramai 30 orang yang dipilih secara rawak bertujuan, Mereka terdiri daripada lelaki dan perempuan, dari pelbagai agama dan opsyen. Bahkan tiada seorang pun dalam kalangan mereka yang mengambil opsyen Pendidikan Moral. Dapatan diperolehi daripada soal selidik dan di analisa menggunakan SPSS tetapi dibentangkan dapatan dalam bentuk min, peratus dan kekerapan. Hasil keseluruhan mencatatkan responden sangat bersetuju bahawa tajuk-tajuk yang diperbincangkan dalam KKM berkait dengan nilai murni. Pensyarah pula dapat menghuraikan dengan jelas tajuk-tajuk yang diperbincangkan bahkan mereka tidak menghina mana-mana agama. Responden turut mengakui bahawa KKM sangat berkait dan ada hubungan yang positif dengan kerjaya sebagai guru. Responden turut bersetuju mencadangkan agar KKM atau seumpamanya diperkenalkan di IPT lain. Kajian ini memberi sumbangan yang besar kepada pembaca dengan menghasilkan satu keputusan bahawa kelas yang membincangkan nilai-nilai murni secara khusus perlu diwujudkan kerana ilmu ini akan sentiasa menjaga kita dari terjebak ke perkara tidak bermoral.

Kata Kunci: *Kelas Moral, nilai-nilai murni, Khas moral, IPG.*

Abstract: *This study focuses on the Moral Special Class (KKM) that has been implemented at the IPG Campus of Sultan Mizan Besut Terengganu. This class is compulsory to all non-Muslim trainee teachers with the aim of setting pure values to the prospective teachers in order to be born of the generation of teachers who are blessed with noble integrity, hard work and the like. This KKM is run simultaneously at the same time as the Quran Class teacher of Islamic trainers. Respondents of at least 30 randomly-selected persons were, They were male and female, from various religions and options. No one in their circles even took the Moral Education option. The findings were obtained from the questionnaire and analyzed using SPSS but presented the findings in the form of mean, percentage and frequency. Overall results indicate that respondents strongly agree that the topics discussed in the MOH are related to pure values. Lecturers can clearly elaborate on the topics discussed, even if they are not insulting any religion. Respondents also acknowledged that MOH is very related and there is a positive relationship with the teacher as a career. Respondents also agreed to propose that KKM or the like be introduced in other IPTs. This study contributes greatly to the reader by producing a decision that the class that deals with pure values in particular is necessary because this knowledge will always keep us from getting caught in immoral matters.*

Keywords: *Moral Class, pure values, Special morality, IPG.*

Pengenalan

Pendidikan Moral merupakan salah satu mata pelajaran yang diperkenalkan di sekolah bermula tahun 1989 bertujuan untuk mendidik pelajar supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran, emosi dan tingkah laku moral. Namun, dari segi pelaksanaan subjek ini dikatakan agak kurang berkesan dan tidak mencapai objektif yang digariskan. Faktor penyumbang antaranya masalah kekurangan guru Pendidikan Moral terlatih, kekaburan konsep dan kandungan moral serta kelemahan penilaian subjek. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan bahawa subjek ini seharusnya diajar oleh guru siswazah terlatih dalam bidang Pendidikan Moral. UPSI mengambil langkah memperkenalkan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Moral) dengan Kepujian di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan bermula semester 1, sesi 2005/2006 (Abdul Rahman Md. Aroff, & Chang, L.H.,1994).

Institut Pendidikan Guru (IPG) turut mengambil inisiatif memperkenalkan kursus Moral kepada pelatih-pelatih guru di IPG seluruh Malaysia. Justeru, mana-mana pelatih yang mengambil Opsyen Pendidikan Moral mereka akan mengikuti kursus ini mengikut RMK yang bersistematik. Kursus Pendidikan Moral terbuka kepada pelatih beragama Islam dan bukan Islam. Bermakna Guru Pendidikan Moral kelak yang berada di sekolah ada yang beragama Islam dan bukan Islam..

Persoalannya sekarang ialah bagaimana pula dengan pelatih-pelatih guru bukan beragama Islam yang tidak mengambil Opsyen Pendidikan Moral. Bagaimana mereka boleh menambah ilmu nilai-nilai murni dalam kehidupan? Masalah-masalah moral yang berlaku dalam masyarakat di Malaysia bukan datang daripada masyarakat muslim sahaja bahkan juga datang daripada masyarakat bukan Islam. Penekanan kepada nilai murni perlu merangkumi muslim dan bukan muslim. Justeru itu, IPG Kampus Sultan Mizan telah mengambil inisiatif yang proaktif terhadap pelatih bukan Islam dengan memperkenalkan Kelas Khas Moral (KKM) pada setiap hari Khamis selama satu jam bermula 7.45 – 8.45 pagi. Waktu ini adalah selari dengan waktu Kelas Quran bagi pelatih-pelatih guru muslim. Tenaga pengajar disusun secara sukarela, bergilir-gilir mengikut jabatan. Ringkasnya, pelatih-pelatih guru yang bukan beragama Islam terisi masa mereka dengan program yang lebih berfaedah.

Kajian ini dijalankan untuk melihat penilaian guru-guru pelatih bukan Islam terhadap kelas ini, keperluan kelas pada masa akan datang serta penambahbaikan yang boleh dibuat. Bahkan akan dicadangkan pelaksanaannya di institusi lain.

Objektif

1. Mengenalpasti keberkesanan “kelas khas moral (KKM)” yang dianjurkan oleh JAPIM IPGKSM. (Tajuk, penceramah, keseluruhan)
2. Menganalisa penerimaan guru pelatih terhadap “kelas khas moral (KKM)” yang dianjurkan oleh JAPIM IPGKSM
3. Mengenalpasti kepentingan “kelas khas moral (KKM)” dengan kerjaya sebagai guru yang berbagai opsyen

Pernyataan Masalah

Profesion keguruan adalah profesion yang sangat mulia. Mulianya guru bukan setakat di dunia tetapi juga di akhirat. Dalam ajaran Islam, Allah mengangkat darjat orang yang mengajar (guru) dan orang yang belajar (murid). Namun begitu, terdapat juga golongan pendidik yang mencemarkan profesion ini. Dan kita sudah maklum, kerana nila setitik, akan rosak susu sebelanga.

Profesion ini memerlukan insan yang mantap intelektual dan moralnya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Bukan sembarangan insan boleh menjadi guru. Dalam dunia hari ini, ramai guru yang berkompentensi dari sudut intelek namun, moralnya lebih buruk dari orang yang tidak berilmu.

Utusan Melayu, bertarikh 13/12/2012 melaporkan bahawa Seramai 530 guru atau 0.13% daripada jumlah guru di seluruh negara menghadapi masalah mental. Hasil kajian juga mendapati terdapat 12 punca gangguan mental dalam kalangan guru. Sebab-sebab gangguan antaranya gangguan personaliti (52.9%); meroyan (35.3%); gangguan saraf (35.3%) dan lain-

lain. Gangguan mental termasuk juga budaya lesbian, Gay, Bisexual, Transgender (LGBT). Kesemua punca gangguan memberi kesan negatif kepada guru, bakal guru seterusnya pelajar-pelajar yang merupakan generasi Malaysia pada masa akan datang.

Dalam kes rasuah pula, unjuran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuan (SPRM), kakitangan kerajaan merupakan golongan tertinggi yang terlibat dalam gejala ini. Profesion keguruan, tidak terlepas dari gejala ini namun jumlahnya sedikit. Walaupun kes yang melibatkan guru tidak ramai namun ia boleh mencemarkan institusi pendidikan yang peranan utamanya mendidik masyarakat.

Terdapat satu kes dalam tahun 2011, seorang guru ditahan kerana menerima rasuah daripada pengusaha kantin agar mendapat tempat dalam pemilihan tender. Sikap sebegini mencemarkan profesion keguruan sekaligus memusnahkan Tamadun Islam jika dibiarkan. Kes lain yang melibatkan bakal guru dalam isu tidak bermoral ialah dalam tahun 2016 dimana seorang bakal guru telah terlibat dengan sex songsang terhadap muridnya sepanjang latihan perguruan (praktikum).

Lantaran itu, usaha menangani masalah moral dalam kalangan guru dan bakal guru perlu konsisten. Proses penerapan nilai ini perlu bermula dengan bakal-bakal guru, yakni sebelum mereka dilantik menjadi guru tetap. Tahap pengamalan moral yang tinggi haruslah dimiliki oleh bakal guru yang akan ditempatkan untuk mengajar di sekolah kelak. Perkara ini dilihat sebagai sesuatu yang amat penting dengan mengambil kira peranan guru di sekolah sebagai agen moral. Kepentingan ini selari dengan pendapat Norzihani Saharuddin (2012) bahawa penaakulan moral merupakan suatu elemen terpenting yang perlu dititikberatkan dalam program pendidikan calon guru.

Terdapat segelintir dapatan kajian yang menyatakan bahawa skor penaakulan moral bagi kebanyakan guru yang sedang berkhidmat dan calon guru masih lagi belum berada pada tahap pos-konvensional. King, P.M. & Mayhew, M. J. (2002) kemudian merumuskan bahawa “walaupun mengajar adalah sesuatu yang bersifat moral secara semulajadi dan guru membuat keputusan moral berterusan, namun para guru dilihat sebagai belum bersedia terhadap aspek tugas ini”.

Literatur

Pendidikan Moral ialah mata pelajaran teras untuk murid bukan beragama Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah. Bertujuan melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, berperibadi mulia, serta rela dan sanggup berbakti kepada masyarakat dan negara. Selain itu, ia juga berperanan mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran, perasaan dan tingkah laku bermoral.

Proses melahirkan murid-murid dan pelajar-pelajar bermoral mestilah dimulai dengan tenaga pengajar yang bermoral. Pepatah melayu berbunyi “Bapa Borek anak rintik” boleh diaplikasikan dalam kes guru dan pelajar. Guru mengajar ilmu yang salah sudah pasti pelajar akan memilih jalan yang salah dan sebaliknya. Justeru, wajib bagi guru-guru atau pendidik menerapkan nilai-nilai murni agar lahir generasi baru yang mulia. Berdasarkan hujah di atas, IPGKSM telah memperkenalkan Kelas Khas Moral (KKM) yang bertujuan menerapkan nilai murni agar dapat mengharungi kehidupan yang penuh cabaran di masa hadapan.

Dalam proses menuju ke arah negara maju, Malaysia, perlu membina masyarakat yang bermoral dan beretika, iaitu sebuah masyarakat bersatu padu yang mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh dan bersikap toleransi. Matlamat utama agama di dunia ini adalah untuk membentuk insan yang berakhlak mulia. Dan Islam merupakan agama yang paling menitikberatkan akhlak yang mulia. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya seorang mukmin-karena kebaikan akhlaknya-menyamai darjat orang yang biasa melakukan puasa dan menunaikan solat malam." (HR Abu Daud)

Dalam hadith lain Rasulullah turut bersabda yang bermaksud:

"Tidak ada sesuatu pun yang lebih berat dalam timbangan seorang mukmin pada Hari Kiamat nanti selain akhlak mulia. Sesungguhnya Allah membenci orang yang berbuat keji dan berkata-keta keji." (HR at-Tirmidzi)

Berkaitan isu ini, sesetengah ulamak dan para cendekiawan telah mencipta pelbagai teori Moral sebagai panduan memantapkan nilai moral dalam diri insan. Imam al-Ghazali menggariskan beberapa adab menimba ilmu antara pelajar dan guru. Adab-adab anak dengan ibu serta adab-adab rakyat dengan pemimpin (Abdul Shatar bin Che Abdul Rahman. 2009). Abdul Rahman dan Chang (1994) berpendapat, guru-guru perlu memahami tingkah laku pelajar untuk memastikan ia selari dengan nilai murni. Justeru, proses mengenalpasti tersebut memerlukan guru terlebih dahulu menakluki ilmu nilai-nilai murni seterusnya menghiasi diri dengan akhlak tersebut.

Memandangkan isu moral ini sangat penting, Kohlberg (1981) telah memperkenalkan satu Teori Perkembangan Moral. Melalui teori ini, beliau menyatakan wujud hubungan diantara perkembangan kognitif dan kemampuan penaakulan moral. Pengkaji bersetuju dengan teori ini kerana sudah pasti orang yang mempunyai kognitif yang mantap akan menguasai kandungan ilmu yang dipelajari sekaligus menaakul ilmu yang diperolehi melalui amalan. Terdapat beberapa kajian yang membincangkan tahap penaakulan moral dalam kalangan guru. Dan hasil dapatan menunjukkan kebanyakan program pendidikan guru belum lagi menggabungkan aspek moral dalam pengajaran ke dalam kurikulum mereka (Mayhew, M. J., & King, P.,2008).

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif, memperolehi maklumat melalui item soal selidik. Data yang dikumpul dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan SPSS statistik deskriptif. Data yang dilaporkan dalam bentuk min dan peratus dan kekerapan.

Populasi dan Sampel

Populasi adalah pelath-pelatih guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG Kampus Sultan Mizan seramai 45 orang dari pelbagai opsyen. Bahkan tiada dalam kalangan mereka yang mengambil opsyen Pendidikan Moral. Mereka terdiri daripada berbagai bangsa dan agama. Responden dipilih secara rawak bertujuan seramai 30 orang manakala berbaki 15 orang lagi terlibat dengan praktikum di sekolah. Hasil daripada kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kerana berbeza latar belakang kajian.

Item Soal Selidik

Item soal selidik dibina dengan 6 konstruk untuk menilai keberkesanan dari sudut tajuk yang diperbincangkan dalam KKM, penyampaian penceramah, penerimaan guru pelatih terhadap KKM serta kaitan KKM dengan kerjaya. Item juga mencungkil kesan keseluruhan KKM selain mencari kesimpulan dan meninjau cadangan penambahbaikan terhadap KKM. Skala yang digunakan dalam soal selidik ialah 5 skala. (1) untuk Sangat Tidak Setuju, (2) untuk Tidak Setuju, (3) untuk Tidak Pasti, (4) untuk Setuju dan (5) untuk Sangat Setuju.

Item-item ini diadaptasi dari Borang Soal Selidik Kajian Penilaian Keberkesanan Kursus Dalam Dan Luar Negara Kementerian Kesihatan Malaysia Dan Institut Latihan Sektor Awam Negeri Sabah (Insan).

Dapatan

Demografi Responden

Jadual 1 : Jantina

Lelaki	Perempuan
8 orang (26.6%)	22 orang (73.4%)

Jadual 1 mencatatkan peratus responden lelaki sebanyak 26.6% manakala peratus responden perempuan pula sebanyak 73.4%.

Jadual 2 : Agama

Jumlah	Buddha	Kristian	Hindu	Atheis
Kekerapan	9 orang	15 orang	5 orang	1 orang
Peratus	(30%)	(50.%)	(16.7%)	(.3.3%)

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut agama yang dianuti. Majoriti daripada responden iaitu sebanyak 50% beragama Kristian diikuti 30% beragama Buddha. Manakala 16.7% beragama Hindu dan hanya 3.3% sahaja Atheis.

Jadual 3 : Opsyen di IPGKSM

Jumlah	Sejarah	Reka Bentuk Teknologi	Matematik	Pend. Awal Kanak-kanak	TESL	Sains
Kekerapan	6	3	14	2	2	3
Peratus	(20%)	(10%)	(46.7%)	(6.7%)	(6.7%)	(10%)

Jadual 3 memaparkan jumlah responden mengikut opsyen di IPG. Majoriti responden iaitu 46.7% mengambil opsyen Matematik diikuti opsyen Sejarah sebanyak 20%. Masing-masing 10% dari opsyen Reka bentuk Teknologi dan Sains. Dan paling sedikit iaitu sebanyak 6.7% masing-masing dari opsyen TESL dan Pendidikan Awal kanak-kanak.

Keberkesanan Tajuk-tajuk yang Diperbincangkan Dalam KKM.

Tajuk-tajuk untuk Kelas Khas Moral (KKM) ditetapkan oleh penyelaras Moral. Justeru pengkaji meninjau pandangan guru pelatih tentang tajuk-tajuk tersebut dari sudut menarik atau tidak, adakah bertepatan dengan nilai-nilai murni serta adakah ia menyentuh isu sensitiviti agama. Dapatan untuk ketiga-tiga kategori adalah seperti dalam Jadual 4:

Jadual 4 : Keberkesanan Tajuk-Tajuk untuk Kelas KKM

Skala	1	2	3	4	5
Peratus	3.4%	1.2%	22.2%	48.8%	24.4%
Min	3.89				

Jadual 4 mencatatkan bahawa majoriti daripada responden bersetuju (48.8%) dan sangat bersetuju (24.4%) bahawa tajuk-tajuk yang diperbincangkan dalam KKM menarik, bertepatan dengan nilai-nilai murni serta tidak menyentuh isu-isu sensitif. Manakala hanya 4.6% sahaja yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan tajuk-tajuk yang disediakan. Namun terdapat 22.2% yang tidak pasti dengan pernyataan item. Min untuk keberkesanan tajuk ialah 3.89.

Penyampaian Penceramah

Penyampaian penceramah dilihat dari sudut berkebolehan menghurai tajuk perbincangan dan tidak *bias* atau tidak menghina mana-mana agama. Berikut adalah hasil dapatan.

Jadual 5 : Penyampaian Penceramah

Skala	1	2	3	4	5
Peratus	1.7%		21.7%	48.3%	28.3%
Min	4.15				

Dapatan menunjukkan bahawa 48.3% bersetuju dan 28.3% sangat bersetuju bahawa penceramah yang membincangkan tajuk-tajuk di Kelas Khas Moral adalah yang pakar serta tidak *bias* atau tidak menghina mana-mana agama sepanjang perbincangan di dalam kelas. Hanya 1.7% sahaja sangat tidak bersetuju dengan penceramah. Namun begitu, terdapat ssramai 21.7% yang tidak pasti dengan item kajian. Min untuk penyampaian penceramah ialah ialah 4.15.

Penerimaan Guru Pelatih Terhadap KKM

Pengkaji meninjau penerimaan guru pelatih terhadap KKM dari sudut masa yang diperuntukkan dan keseronokan menyertainya. Dapatan adalah seperti di Jadual 6:

Jadual 6 : Penerimaan Guru Pelatih Terhadap KKM

Skala	1	2	3	4	5
Peratus	1.7%	10%	23.3%	30%	35%
Min	3.58				

Hanya 1.7% sahaja yang sangat tidak bersetuju dan 10% tidak bersetuju dengan masa yang ditetapkan serta tidak seronok menyertai KKM berbanding 65% yang bersetuju dan sangat bersetuju dengan masa KKM serta seronok menyertainya. Min untuk penerimaan guru pelatih terhadap KKM ialah 3.58.

Kaitan Kelas Khas Moral dengan Kerjaya

Pengkaji mencungkil kaitan KKM dengan kerjaya responden iaitu seorang guru. Antara perkara yang dikenal pasti ialah KKM memberi peluang berkongsi pengetahuan yang diperolehi dengan rakan lain. Tajuk yang diperbincangkan membantu tugas sebagai seorang guru secara tak langsung. Maka dapatan adalah seperti dalam Jadual 7:

Jadual 7 : Kaitan Kelas Khas Moral dengan Kerjaya

Skala	1	2	3	4	5
Peratus	0.8%	1.7%	26.7%	40%	30.8%
Min	3.98				

Sebanyak 70.8% positif menyatakan bahawa KKM mempunyai kaitan dengan kerjaya mereka sebagai guru berbanding hanya 2.5% yang menyatakan KKM tiada kaitan dengan kerjaya. Namun, masih ada sebanyak 26.7% responden yang tidak pasti dengan pernyataan dalam item soal selidik. Kaitan KKM dengan kerjaya mencatatkan min sebanyak 3.98. Min ini amat memberangsangkan.

Kesan Keseluruhan KKM

Pengkaji turut mengenal pasti kesan keseluruhan KKM terhadap responden. Dapatan adalah seperti dalam jadual 8.

Jadual 8 : Kesan Keseluruhan KKM

Skala	1	2	3	4	5
Peratus	1.7%	3.3%	21.7%	38.3%	35%
Min	4.01				

Majoriti daripada responden iaitu 35% sangat bersetuju dan 38.3% bersetuju bahawa KKM memuaskan hati mereka. Manakala hanya 1.7% sangat tidak setuju dan 3.3% tidak setuju KKM boleh memuaskan hati mereka. Kesan keseluruhan KKM pula mencatatkan min sebanyak 4.01. Min ini juga amat memberangsangkan.

Cadangan

Kajian ini juga meninjau pandangan responden tentang cadangan sama ada KKM sesuai diperkenalkan di IPTA/IPTS atau IPG lain. Dapatan adalah seperti dalam Jadual 9:

Jadual 9 : Cadangan Diperkenalkan KKM di IPTA/IPTS

Skala	1	2	3	4	5
Peratus	0	6.7%	20%	40%	33.3%
Min	4.00				

Jadual 9 menunjukkan 73.3% responden bersetuju dan sangat setuju agar KKM diperkenalkan di IPTA, IPTS, IPG atau mana-mana institusi pengajian Tinggi seperti politeknik, kolej komuniti dan lain-lain. Bahkan hanya 6.7% sahaja tidak bersetuju diperkenalkan pada IPTA/IPS lain. Manakala min untuk cadangan diperkenalkan ke IPT/IPS dan institusi lain adalah sebanyak 4.00.

Kesimpulan dan Cadangan

Secara keseluruhan, kajian ini telah mengenal pasti bahawa Kelas Khas Moral memberi kesan yang amat positif kepada pelatih guru. Kesemua kategori yang disoal mencatatkan keputusan yang positif (sangat setuju dan setuju) melebihi 50%. Dari sudut tajuk, mereka mengakui tajuk yang diperbincangkan merupakan isu yang berkaitan dengan nilai-nilai moral. Bahkan ada cadangan agar tajuk perbincangan tidak lari daripada sukatan pelajaran sekolah rendah dan menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Dari sudut penceramah pula, penceramah dapat menghuraikan tajuk dengan baik dan tidak melebihkan mana-mana agama atau menghina mana-mana agama. Selain itu, guru-guru pelatih menerima baik program ini dan mereka mengakui Kelas Khas Moral mempunyai kaitan yang rapat dengan kerjaya mereka sebagai guru. Lebih penting lagi majoriti bersetuju dengan cadangan agar KKM diperkenalkan di IPTA/IPTS atau institusi pendidikan lain.

Pengkaji yakin dengan hasil dapatan kajian sebegini, bakal-bakal guru yang akan dilahirkan kelak mampu menerapkan nilai murni dalam diri anak murid walau pun mereka bukan guru pendidikan moral. Guru pelatih sebegini akan menanam nilai-nilai moral merentas kurikulum selari dengan kehendak KPM dan KPT seperti yang tertera dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2013). Hasil kajian ini juga menyedarkan masyarakat Islam sendiri khasnya pendakwah dan pendidik-pendidik agama agar melaksanakan tuntutan dalam al-Quran iaitu menyebarkan ilmu Allah seperti dalam surah Al-Ikhlâs ayat 2-3 yang bermaksud;

“Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan sabar.”

‘Berpesan-pesan dengan kebenaran’ merangkumi semua makhluk Allah. Bukan terhad kepada muslim sahaja bahkan juga menyampaikan pesan Allah kepada orang-orang bukan Islam.

Rentetan daripada hasil kajian ini, pengkaji mencadangkan agar, semua para pendokong pendidikan di mana-mana institusi pengajian tinggi sama ada di bawah kerajaan atau swasta, agar cuba memasukkan dalam jadual, masa untuk perbincangan nilai murni kepada mahasiswa-mahasiswa bukan Islam seperti yang telah dilaksanakan oleh IPG Kampus Sultan Mizan Besut Terengganu. Oleh itu, mahasiswa mampu menyerap nilai-nilai murni secara berkala dan berterusan berbanding apabila kita menganjurkan program secara *one off*.

Dalam pengetahuan pengkaji terdapat satu IPTS iaitu Kolej Teknologi Darul Naim memasukkan program keagamaan sekali seminggu iaitu secara berkala di dalam jadual mahasiswa. Program ini diletakkan di bawah pengawasan ko kurikulum. Namun, program di KTD ini dikhususkan kepada mahasiswa muslim. Sangat elok diperkenalkan juga kepada mahasiswa bukan Islam pada waktu yang sama dengan topik yang sesuai untuk mereka.

Semoga segala cadangan dapat direalisasikan dan harapan semoga mana-mana IPTA/IPTS/IPG yang telah melaksanakan program seumpama KKM ini memeruskan dengan lebih jaya agar warga pendidik mampu melahirkan warga Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama namun dihormati dan disegani oleh negara lain.

Rujukan

Abdul Rahman Md. Aroff, & Chang, L.H. (1994). Pendidikan Moral (dinamika guru). Petaling Jaya: Longman Malaysia.

- Abdul Shatar bin Che Abdul Rahman. (2009). Pengetahuan Kandungan dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral tingkatan empat di sebuah sekolah. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, Tingkatan IV. Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- King, P.M. & Mayhew, M. J. (2002) Moral judgement development in higher education: insights from the Defining Issues Test, *Journal of Moral Education*, 31(3), 247-270.
- Kohlberg, Lawrence. (1981). *The meaning and measurement of moral development*. Worcester, MA: Clark University Press.
- Norzihani Saharuddin, Nur Surayyah Madhubala Abdullah, Samsilah Roslan. (2012). Penaakulan Moral: Kepentingan Terhadap Calon Guru Pendidikan Moral. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA. 7-9 Oktober 2012. Joor Bharu Johor.
- Utusan Melayu Online. (2012). 530 Guru Dikenal Pasti Berdepan Masalah Mental. Arkib 13/12/2012.
- Mayhew, M. J., & King, P. (2008). How curricular content and pedagogical strategies affect moral reasoning development in college students. *Journal of Moral Education*, 37 (1), 17-40.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1988). *Laporan Pusat Perkembangan Kurikulum Malaysia*. Cetakan Kerajaan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). (2013). Diakses daripada www.moe.gov.my pada 20 November 2017.